

# Gaji minimum bebbankan golongan pertengahan

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
nikjasni.ub@gmail.com

ISU impak gaji minimum telah menjadi intipati utama sesi diskusi Perundingan dengan Orang Awam Mengenai Gaji Minimum yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Dengan mencapai konklusi bahawa pelaksanaan gaji minimum ini bakal meningkatkan kos sara hidup golongan pertengahan di negara ini, sesi diskusi anjuran Program HA12 Hubungan Industri Sekolah Sains Sosial (SSS) UMS ini disertai para ahli akademik dari beberapa institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan.

Selain UMS dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sesi diskusi turut disertai Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Perbadanan Produktiviti Malaysia



**KENANGAN...Inon (enam kanan) bersama para panel sesi diskusi.**

(MPC), Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Institut Sumber Manusia Kebangsaan dan Kementerian Sumber Manusia.

Sesi diskusi yang dilaksanakan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Teknikal Majlis Perundingan Gaji Negara ini juga telah dihangatkan dengan pelbagai pendapat terhadap rasionalisasi

pelaksanaan gaji minimum dan kesannya kepada golongan tertentu di negara ini.

Pensyarah Komunikasi UMS, Dr Lee Kuok Tiung telah membangkitkan kebimbangan beliau terhadap kemungkinan peningkatan harga barangan ekoran penetapan gaji minimum ini.

Hal demikian kerana, harga barangan keperluan

utama penduduk khususnya gula, beras, tepung dan minyak akan meningkat.

“Apabila telah ditetapkan gaji minimum pada satu tahap tertentu, pengilang pasti akan menolak beban kos pengeluaran tambahan yang kemudian terpaksa ditanggung pengguna.

“Justeru, usaha yang lebih holistik dan teliti diperlukan untuk menangani isu-isu yang lebih mendesak



**PESERTA...Sebahagian daripada peserta diskusi.**

terutamanya dalam menangani masalah kemiskinan bandar. Ini termasuklah usaha meningkatkan pendapatan golongan pertengahan di bandar-bandar yang berhadapan tekanan peningkatan kos sara

hidup,” katanya.

Tegasnya, golongan berpendapatan tinggi dan peniaga dijangka tidak berhadapan impak penetapan gaji minimum sebaliknya mangsa utama keadaan ini adalah golongan pertengahan yang merupakan majoriti penduduk Malaysia.

Sementara itu, Dekan SSS, Prof Madya Inon Shaharuddin Abdul Rahman menegaskan bahawa panel jawatankuasa perundingan perlu mempunyai satu formula jelas bagi manfaat semua pihak.

Bagi Ketua Panel Diskusi yang juga pensyarah Hubungan Industri, Prof Madya Dr Balakrishnan Parasuraman, penetapan gaji minimum akan menghapuskan diskriminasi pemberian gaji dan keadaan ini akan membawa kepada bayaran yang setaraf antara pekerja tempatan dan pekerja asing yang berada dalam sektor yang sama.

Keadaan ini, katanya, secara tidak langsung akan mewujudkan situasi warganegara seperti dianaktirikan.

“Dalam pada itu, kita juga berhadapan dilema dalam menetapkan satu kadar tetap untuk seluruh negara tanpa diskriminasi kewilayahan. Dapatkah perkara ini dilakukan?”

Sementara itu, isu lain yang dibangkitkan dalam sesi diskusi itu adalah sasaran utama penetapan gaji minimum yang dilihat lebih memfokuskan golongan kelas rendah sahaja dan tidak mengambilkira golongan pertengahan dan berpendapatan tinggi.

Dipersetujui bahawa perlu ada mekanisme untuk menyelaraskan gaji golongan pertengahan dan berpendapatan tinggi setelah wujudnya implikasi kesan pelaksanaan gaji

minimum berkenaan.

Sementara itu, pensyarah dari UKM, Prof Madya Dr Zulkifly Osman berkata penetapan gaji minimum ini akan mewujudkan dua kemungkinan dalam konteks tenaga kerja.

“Sama ada pekerja tempatan akan mengambil alih tempat pekerja asing atau pengambilan pendatang tanpa izin (PTI) akan menggantikan pekerja asing yang berdaftar.

“Sememangnya, ada kemungkinan yang menjurus kepada keutamaan majikan mengambil PTI sebagai pekerja mereka kerana upah yang boleh dirunding,” katanya.

Pengarah Kanan Dasar ASLI, Ng Yeen Seen pula berkata tiada polisi kerajaan yang sempurna.

“Bagaimanapun, ahli panel yang memberikan usul kepada dasar dan polisi yang akan dibuat kerajaan akan mengambilkira keseimbangan rakyat Malaysia sekiranya mereka akan dijadikan ‘tikus putih’ kepada eksperimen gaji minimum ini.

“Kita perlu mengelak rakyat menjadi bahan eksperimen sebagaimana anak-anak Malaysia yang dijadikan eksperimen dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Materimasi dalam bahasa Inggeris (PPSMI) sebelum ini,” katanya.

Panel lain sesi diskusi adalah Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Othman Abdullah, Pengarah Kanan MPC, Shahuren Ismail, Pengarah Institut Sumber Manusia Kebangsaan, Amir B Omar dan dari Kementerian Sumber Manusia, Betty Hassan, Syahrudin Shahwan dan Safri Mohd Sarip selain turut disertai pensyarah UMS.